



KENYATAAN MEDIA

MCMC GESA ORANG RAMAI UNTUK MEMADAM DAN TIDAK MENYEBARKAN VIDEO INSIDEN TAMAN PELANGI SEMENYIH 2

CYBERJAYA, 23 FEBRUARI 2024 - Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) menzahirkan rasa simpati dengan insiden tragis yang berlaku di Taman Pelangi Semenyih 2, Kajang pada baru-baru ini. Video tersebut menunjukkan kekerasan yang berlaku terhadap seorang lelaki yang terlibat dalam kemalangan.

Bagi menghormati keluarga mangsa, MCMC menggesa orang ramai untuk tidak menyebarkan video tersebut dan sekiranya telah dimuat naik, MCMC menasihatkan orang ramai untuk memadamkannya.

Perkongsian rakaman video mangsa tidak hanya mengguris perasaan keluarga mangsa, malah melanggar prinsip dan etika asas dengan penggunaan grafik berkaitan kecelakaan, kemalangan dan kekerasan yang boleh menimbulkan kegelisahan penonton. Sebagai garis panduan berkenaan penciptaan kandungan, rujukan boleh dibuat melalui Kod Kandungan Komunikasi dan Multimedia Malaysia.

Setiap individu perlu mempertimbangkan sewajarnya untuk tidak menyebarkan video atau kandungan yang berkaitan dengan insiden tersebut. Sebarang perkongsian yang melibatkan video atau kandungan melibatkan mangsa serta pihak yang terlibat boleh dikenakan tindakan undang-undang di bawah Seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998.

KOMUNIKASI KORPORAT MCMC

Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia | Malaysian Communications and Multimedia Commission
MCMC Tower 1, Jalan Impact, Cyber 6, 63000 Cyberjaya, Selangor MALAYSIA
T: + 60 3 86 88 80 00 | F: + 60 3 86 88 10 00 | E: scd@mcmc.gov.my | W: www.mcmc.gov.my



Suruhanjaya Komunikasi
Dan Multimedia Malaysia



MCMC_RASMI



SKMM_MCMC



MCMCTV